

Oleh **Idzuafi Hadi Kamilan**



# Nadi baru suara mahasiswa

**I**nstitusi Parlimen Malaysia mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila pada tanggal 27 Januari lalu, Parlimen Mahasiswa Malaysia bersidang di dalam Dewan Parlimen buat pertama kalinya. Sejarah berganda ini satu catatan penting dalam sejarah perundangan negara memandangkan pada dua minggu sebelum itu, Parlimen Belia juga bersidang di institusi Parlimen yang sama.

Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat mengamalkan sebuah sistem demokrasi berparlimen iaitu sistem kerajaan dibahagikan kepada tiga entiti yang terdiri daripada badan perundangan, badan pelaksana undang-undang dan badan kehakiman. Ketiga-tiga entiti ini mendapatkan punca kuasanya daripada Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama persekutuan berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti tertera di dalam Perkara 39, Perkara 44 dan Perkara 121.

Jika dilihat amalan demokrasi berparlimen negara lain, boleh dikatakan hampir semua mempunyai badan perundangannya tersendiri. Nama badan perundangan seperti Parlimen, Cossack Rada (Ukraine), Duma (Rusia), Flemish (Belgium) dan sebagainya antara nama unik yang digunakan bagi menggambarkan badan perundangan di negara itu. Ditambah pula di sesetengah negara, perlembagaan menjadi punca kuasa bagi memperkukuhkan badan perundangan untuk menggubal undang-undang negara itu.

Walaupun begitu, jika kita merujuk sejarah Parlimen Mahasiswa dalam konteks yang lebih kecil di Malaysia, ia boleh dikatakan bermula pada tahun 2003, apabila Naib Canselor Universiti Sains Malaysia Prof Dr Dzulkifli Abdul Razak ketika itu membentangkan kertas kerjanya mengemukakan idea tuntas agar Parlimen Mahasiswa di bentuk. Hasilnya, satu jawatankuasa dibentuk dan idea penubuhannya disampaikan kepada Datuk Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ketika itu. Akhirnya, pada 2010, Parlimen Mahasiswa USM berjaya ditubuhkan, malah jauh lebih

Parlimen Mahasiswa di United Kingdom bukan saja berbahas di peringkat universiti, malah di 'House of Commons' yang juga ibu kepada Parlimen Komanwel.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Parlimen Mahasiswa Tan Sri Abdul Aziz Rahman ketika di temu bual menyatakan penubuhan Parlimen Mahasiswa ini mempunyai tujuan yang baik iaitu bagi menyediakan platform kepada suara mahasiswa pada semua peringkat kepemimpinan mahasiswa menyampaikan pandangan mereka secara terus kepada kerajaan.

Malah, beliau yang juga Pengerusi Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) berkata, Parlimen Mahasiswa dilihat mampu membudayakan perbahasan secara intelektual dengan melontar hujah berdasarkan fakta dalam bentuk ilmiah tanpa dipengaruhi emosi.

Pada Majlis Penutup Parlimen Mahasiswa ini, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin merangkap Menteri Pendidikan juga menyatakan komitmen kerajaan untuk meneruskan lagi program Parlimen Mahasiswa sebagai acara tahunan.

Pada masa akan datang beliau selaku Menteri Pendidikan atau Timbalan Menteri Pendidikan akan terbabit sama bagi mengulung memandangkan usul yang dibahaskan isu berhubung dengan pendidikan.

Parlimen Mahasiswa kali ini dihadiri 200 perwakilan mahasiswa yang mewakili 19 institusi pengajian tinggi awam. Pelbagai isu dibangkitkan dalam Parlimen Mahasiswa kali ini, termasuk berhubung dengan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pendidikan alam sekitar, pengantarabangsaan universiti, pelaksanaan PT3, kefasihan berbahasa Inggeris kalangan graduan mahasiswa, pengangguran dan kebolehpasaran graduan universiti.

Dengan pelbagai lontaran idea yang dikemukakan mahasiswa ini dan jumlah pelaburan yang tinggi yang didanai MUBARAK dan kerajaan, pastilah idea bernas ini dapat diangkat dan dilaksanakan di dalam universiti di Malaysia.